

Pendatang asing tutup peluang kerja rakyat tempatan

SINAR 29.10.2007 MS 11

Orang kita menjaga status, ingin mewah dan mereka memilih pekerjaan, jika mereka bekerja sebagai tukang cuci, pembantu rumah dan buruh kasar mereka malu kerana status mereka akan setaraf dengan pendatang asing tersebut.



PATMA DARMA

lidik bersetuju menyatakan kedatangan pendatang asing tersebut menutup peluang pekerjaan rakyat tempatan.

"Orang kita seperti di-anaktirikan. Biasanya majikan menetapkan gaji yang rendah untuk pendatang asing jadi bila orang kita bekerja gaji yang sama turut diberikan. Keadaan menjadi sukar kerana gaji digunakan untuk keperluan keluarga berbanding pendatang asing yang hanya berbelanja untuk dirinya sahaja," jelasnya.



HAMID ABDUL RAHMAN

"Jika mereka menghantar wang untuk keluarga mereka di kampung halaman, pertukaran wang sudah besar jadi mereka tiada masalah untuk itu. Manakala orang kita pula terpaksa mencari pekerjaan lain yang lebih lumayan gajinya," katanya.

Bagi seorang pelajar, Mohd Asraf Mohd Zainal, 17, beliau menyatakan kedatangan pendatang asing sememangnya menutup peluang pekerjaan orang kita.

"Lihat sendiri, apabila



NORHAYATI HASSAN

mereka datang ke negara kita pekerjaan seperti buruh kasar, tukang cuci, pembantu rumah diambil alih oleh mereka. Setelah mereka mengisi kouta pekerjaan tersebut, jadi orang kita tidak berpeluang mendapatkan pekerjaan tersebut," katanya.

Hamid Abdul Rahman, 50, seorang pesara dari syarikat perbankan menyatakan tidak merasakan kedatangan pendatang asing menutup peluang pekerjaan orang kita.

"Keadaan sekarang,



MOHD ASRAF MOHD ZAINAL

orang kita menjaga status, ingin mewah dan mereka memilih pekerjaan, jika mereka bekerja sebagai tukang cuci, pembantu rumah dan buruh kasar mereka malu kerana status mereka akan setaraf dengan pendatang asing tersebut," beliau menambah.

"Mungkin jalan penyelesaiannya ialah tindakan kerajaan menghantar semua pendatang asing balik, waktu itu semua pekerjaan tersebut orang kita terpaksa buat sendiri sebab sudah tiada siapa lagi yang hendak buat pekerjaan tersebut. Saya masih ingat lagi sekitar tahun 1960an, ramai orang-orang kita yang menjadi buruh kasar tidak seperti sekarang ini," katanya.

Bagi Patma Darma, 56, yang berasal dari Indonesia dan telah 17 tahun menetap di sini menyatakan pendatang asing yang datang ke negara ini telah diberikan pekerjaan oleh

agensi masing-masing dan mereka tidak langsung menutup peluang pekerjaan penduduk negara kita.

"Yang penting jangan malas berusaha, rezeki tidak akan datang bergolek sekiranya tidak diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Semuanya berpeluang mendapatkan pekerjaan dan sekiranya kita rajin apa-apa pun boleh diusahakan," katanya yang memiliki sebuah gerai di stesen transit aliran ringan (LRT) Bangsar.

**Aktifkan
Komuniti Anda**

► info daerah

ACARA DI SEKITAR IBU KOTA

28 Oktober hingga 4
November – Tenaga Nasional
Berhad (TNB) dan Pusat
Hoki Kuala Lumpur (PSKL)
mengadakan perlawanan hoki
bawah 16 tahun.

30 Oktober hingga 4
November – Pusat Pameran
Mid Valley akan mengadakan
Pameran Kewangan Malaysia
(My Fex 2007)

31 Oktober – Tarikh tutup
bagi pertandingan fotografi
anjaran Persatuan Alumni
Universiti Malaya (PPUM)